


Media Title : Utusan Sarawak
Headline : Rugi RM5,000 angkara 'phone scam'
Date : 26 September 2023
Section : Semasa
Page : 2



Rugi RM5,000 angkara 'phone scam'



LIMBANG: Seorang suri rumah di Limbang kerugian RM5,000 selepas diperdaya sindiket Macau Scam yang menyamar sebagai pegawai bank, Jumaat lepas.

Ketua Polis Daerah Limbang, Superintendan Parum Niot berkata, wanita berusia 51, itu menerima panggilan daripada pegawai bank dan mendakwa mendiang suami mangsa ada tunggakan sewa beli kenderaan bernilai RM56,000.

Katanya mangsa telah diminta oleh suspek untuk membuat pembayaran sebanyak RM5,000 supaya kes tidak dibawa ke mahkamah.

"Mangsa telah mem-

buat dua transaksi pembayaran sebelum menyedari dirinya ditipu dan tampil membuat laporan polis," katanya kepada media semalam.

Parum turut menasihati orang ramai agar tidak mudah terpedaya dengan tipu helah pihak tertentu tanpa membuat usul periksa.

"Orang ramai perlu bertanya dahulu kepada ahli keluarga, rakan-rakan dan orang lain sebelum membuat pembayaran ataupun menekan pautan tertentu," ujarinya lagi.

Mereka yang ingin mendapatkan nasihat atau menyalurkan sebarang maklumat berkaitan kes-kes jenayah komersil boleh Baha-gian Siasatan Jenayah Komersil, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Limbang di talian 085-211466.

WASPADA SCAM... Superintenden Parum menasihati masyarakat di Limbang agar berwaspada dengan kegiatan penipuan dalam talian.